

KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA BERHAD
D/A IBU PEJABAT SPRM
ARAS 7, BLOK C, NO.2, LEBUH WAWASAN, PRESINT 7, 62250
WILAYAH PERSEKUTUAN, PUTRAJAYA

ATURAN AKTIVITI PERKHIDMATAN SEWAAN RUANG TASKA

1. TAJUK

- (a) Aturan ini adalah dinamakan **Aturan Aktiviti Perkhidmatan Sewaan Ruang Taska**.
- (b) Aturan ini diwujudkan di bawah Undang-undang Kecil 9(3) Koperasi ini dan dikuatkuasakan melalui persetujuan mesyuarat agung Koperasi ini pada **6 Disember 2021** dan dikemukakan kepada Suruhanjaya.

2. TAFSIRAN

Dalam aturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain:-

- (a) **"Koperasi"** atau **"Koperasi ini"** ertinya Koperasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Berhad (KOSPERA) yang didaftarkan di bawah Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM).
- (b) **"Lembaga"** ertinya Ahli Lembaga Koperasi (ALK) yang dilantik untuk memantau aktiviti dan pengurusan keseluruhan.
- (c) **"Exco"** ertinya anggota yang dilantik oleh Ahli Lembaga Koperasi (ALK) untuk menguruskan aktiviti ini.
- (d) **"Premis"** ertinya ruang bangunan di dalam Ibu Pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia yang diwartakan sebagai taman asuhan kanak-kanak (taska).
- (e) **"Penyewa"** ertinya mana-mana pengurus taska yang berdaftar di bawah mana-mana undang-undang dan peraturan wajib di Malaysia yang terpakai bagi fungsinya termasuklah Akta Pendaftaran Perniagaan (ROBA 1956), Akta Taman Asuhan Kanak-Kanak 1985, Akta Makanan 1983, Akta Pendidikan 1996 dan lain-lain.
- (f) **"Wang Cagaran"** adalah merujuk kepada bayaran pendahuluan yang diberikan oleh penyewa dalam bentuk tunai atau lain-lain kaedah pembayaran ke dalam akaun Koperasi.
- (g) **"Sewa "** ertinya bayaran bulanan yang diterima oleh Koperasi dalam bentuk tunai atau lain-lain kaedah pembayaran ke dalam akaun.
- (h) **"Kontrak"** ertinya ikatan perjanjian yang diwujudkan di antara Koperasi ini dengan pihak penyewa.
- (i) **"Mesyuarat Agung Koperasi"** ertinya mesyuarat agung koperasi tahunan seperti diperuntukan dalam Undang-undang Kecil 25.
- (j) **"Undang-undang Kecil"** ertinya Undang -undang Kecil Koperasi ini dan termasuklah sebarang pindaan berdaftar kepadanya.

3. TUJUAN

Tujuan **Aturan Aktiviti Perkhidmatan Sewaan Ruang Taska** (selepas ini disebut "**Aktiviti Ini**") diwujudkan ialah untuk:-

- (a) Sebagai garis panduan untuk mengurus dan mengawal perjalanan aktiviti ini dengan sempurna.
- (b) Sebagai punca kuasa untuk menawarkan penyewaan premis ini kepada mana-mana penyewa yang bersesuaian.

4. SUMBER KEWANGAN

Sumber kewangan bagi melaksanakan aktiviti ini diperoleh daripada;

- (a) Peratus (%) daripada keuntungan bersih Koperasi ini yang diluluskan oleh mesyuarat agung mengikut Undang-Undang Kecil) Koperasi ini;
- (b) Modal yuran dari anggota; dan
- (c) Mana-mana sumber kewangan lain yang dibenarkan menurut Akta Koperasi, Peraturan dan Undang-undang kecil.

5. PENTADBIRAN DAN PEMANTAUAN

- (a) Lembaga Koperasi ini hendaklah bertindak sebagai pengurus sepertimana peruntukan Undang-Undang Kecil.
- (b) Bagi melancarkan pentadbiran dan pemantauan, Lembaga akan melantik 5 Exco yang bertanggungjawab sepenuhnya untuk memantau operasi aktiviti ini dari semasa ke semasa di bawah Undang-Undang Kecil 49(2).
- (a) Exco juga akan dibantu oleh kakitangan pentadbiran Koperasi ini untuk menjalankan urusan-urusan berkaitan dan melaporkan kepada Lembaga.

6. TANGGUNGJAWAB EXCO

Tugas dan tanggungjawab exco adalah meliputi perkara-perkara berikut;

- (a) Menawar, memilih dan membentangkan kepada Ahli Lembaga penyewa yang bersesuaian untuk mengendalikan premis;
- (b) Menyemak dan menyelidiki latar belakang penyewa serta dokumen-dokumen permohonan dari penyewa;
- (c) Menguruskan dokumen kontrak dan proses penyewaan di antara pihak Koperasi ini dengan penyewa;
- (d) Memastikan dan memantau pihak penyewa mematuhi peraturan dan tanggungjawab seperti mana yang termaktub di dalam kontrak dari semasa ke semasa;
- (e) Melakukan pemeriksaan berkala ke atas premis,
- (f) Mengambil sebarang tindakan susulan kepada penyewa sekiranya berlaku sebarang pelanggaran kandungan kontrak; dan
- (g) Memastikan bayaran berkala sewaan atau lain-lain bayaran dipatuhi dan diikuti oleh penyewa dan mengambil tindakan wajar terhadap pengurangan kadar bayaran (sekiranya berlaku sebarang bencana atau arahan bertulis pihak-pihak berwajib) mengikut keputusan Mesyuarat Ahli Lembaga.

7. TANGGUNGJAWAB PENYEWA

Tanggungjawab dan liabiliti penyewa adalah meliputi perkara-perkara berikut;

- (a) Memastikan butiran kontrak dipersetujui dan dipatuhi sepanjang tempoh ikatan kontrak dengan pihak Koperasi ini termasuklah pembayaran wang cagaran dan sewa;
- (b) Penyewa bertanggungjawab menjelaskan segala fi, yuran, lesen, permit serta bayaran-bayaran lain yang akan dikenakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan atau lain-lain agensi yang berkaitan berhubung dengan pengurusan taska; dan
- (c) Mematuhi dan menanggung sebarang implikasi akibat ketidakpatuhan mana-mana undang-undang dan peraturan yang dikuatkuasakan oleh agensi-agensi berwajib yang berkaitan dengan pengurusan taska.


9. PENANGGUHAN SEMENTARA ATAU PEMULIHAN AKTIVITI

- (a) Ahli Lembaga berhak untuk menghentikan atau menamatkan aktiviti ini jika difikirkan perlu sekiranya berlaku sebarang perkara yang menimbulkan implikasi kepada Koperasi ini; dan
- (b) Semua anggota hendaklah dimaklumkan melalui surat-surat pekeliling mengenai perkara di para 9(a) ataupun melalui mesyuarat agung.

10. PERTIKAIAN


Jika berbangkit sebarang perselisihan faham atas tafsiran Aturan ini atau timbul apa-apa pertikaian mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya mengikut Undang-Undang Kecil 81 Koperasi ini.

Aturan ini telah dibentang dan diluluskan di dalam mesyuarat agung tahunan koperasi pada **6 Disember 2021**.




Pengerusi

DATU' SRI SHAMSHUN BAHARIN BIN MOHD JAMIL
PENERUSI
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA BERHAD (W-6-1184)



Setiausaha

MEGAT NOR ESHAM BIN MEGAT MOHD SALLEH
SETIAUSAHA
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA BERHAD (W-6-1184)



Bendahari

EFFEZUL AZRAN BIN ABD MAULOP
BENDAHARI
KOPERASI SURUHANJAYA PENCEGAHAN
RASUAH MALAYSIA BERHAD (W-6-1184)